

04 AUG 1998

KPB-SADAO/I

KPB SADAO ICD BARU AKAN TINGKATKAN PERDAGANGAN M'SIA-THAI

Oleh: Leslean Arshad

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Terminal Depo Pemeriksaan Daratan KPB Sadao (ICD) bernilai RN26 juta yang dibuka baru-baru ini, dijangka akan meningkatkan perdagangan antara Thailand dan Malaysia.

Terminal itu, projek usaha sama antara Konsortium Perkapalan Bhd dengan beberapa pelabur Thai, menawarkan lokasi strategik dan kemudahan kastam bagi pergerakan kargo di mana adalah faktor penambah kepada peningkatan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara.

Pelabuhan daratan dengan perkhidmatan penuh itu terletak di selatan Thailand, kira-kira 11 kilometer dari Bukit Kayu Hitam di Kedah, 14km dari Padang Besar di Perlis dan 40km dari Haadyai di Thailand.

Pengerusi eksekutif kumpulan Konsortium Perkapalan Bhd Mirzan Mahathir berkata usaha-usaha bersama Thai-Malaysia itu, satu daripada projek perintis yang diperkenalkan oleh majlis perniagaan bersama Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT GT), mendatangkan banyak manfaat kepada pengimport dan pengeksport.

"Ia akan membantu meningkatkan perdagangan dua hala dalam komponen perindustrian, produk makanan dan pengguna antara Malaysia dengan Thailand," katanya kepada pemberita di Sadao baru-baru ini.

Mirzan, yang juga naib pengerusi KPB Sadao ICD Terminal Co Ltd, mengunjurkan perolehan sebanyak RM7 juta bagi terminal itu tahun ini.

Terminal itu, kemudahan simpanan gudang pertama di selatan Thailand, dimiliki dan diuruskan oleh KPB Sadao ICD, perkongsian 40:60 yang menggunakan modal sebanyak 60 juta baht (kira-kira RM6 juta) antara KPB dan Puan Malee Wanasook serta keluarganya.

IMT-GT meliputi utara Sumatra di Indonesia, utara Malaysia dan selatan Thailand. Kawasan itu mempunyai penduduk berjumlah 23 juta di mana separuh daripadanya tinggal di wilayah Yala, Songkhla, Narathiwat, Pattani and Satun di selatan Thailand.

Menteri Pengangkutan Malaysia Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Pengerusi Parlimen Thailand Wan Mohamad Noor Matha telah merasmikan bersama terminal yang melambang kerjasama antara kedua-dua negara.

Dengan pusat pemeriksaan kastam Thai terletak dalam kemudahan itu, kedua-dua kargo konvensional dan kontena yang bergerak antara Thailand dan Malaysia, boleh diproses dengan cekap menerusi ICD.

Dr Ling berkata dengan adanya ICD baru itu akan terus mengukuhkan pergerakan kargo dan perdagangan antara kedua-dua negara dan bertindak sebagai pemangkin bagi pembangunan sosio-ekonomi rantau ini.

Beliau menjangkakan lebih banyak syarikat akan mengambil kesempatan daripada lokasi strategik ICD kerana ia mempunyai hubungan pengangkutan yang baik yang menghubungkan kepada rangkaian lebuhraya serta pelabuhan di Thailand dan Malaysia.

Dr Ling juga berkata walaupun rantau ini berdepan dengan kesukaran ekonomi, kerjasama ekonomi mestilah diteruskan dan keadaan ketika ini tidak sepatutnya dijadikan alasan bagi kita untuk menghentikan projek itu yang memanfaatkan.

"Terminal itu akan meningkatkan dorongan keserantauan, membuka pasaran dan menyesepepadakan ekonomi Thailand dan Malaysia," katanya.

Lalulintas ketika ini di terminal itu adalah kira-kira 6,000 TEU (unit bersamaan dengan 20 kaki) sebulan dan anggaran kuantiti trak adalah 6,000 sebulan.

Secara amnya, projek usaha sama itu akan dianggap mempunyai aliran

lalulintas yang sama antara kedua-dua pihak, tetapi seorang pegawai pengangkutan kontena berkata, pedagang-pedagang selatan Thailand memperoleh lebih banyak kelebihan dengan penubuhan ICD itu.

Terminal itu, yang keempat di Thailand, akan memudahkan eksport dari selatan Thailand berikutan kedekatannya dengan pelabuhan Malaysia.

Terminal ICD itu disokong oleh rangkaian pembangunan jalan raya dan keretapi ke pelabuhan-pelabuhan utama di Thailand dan Malaysia. Kemudahan itu menghubungkan Pelabuhan Pulau Pinang dan Padang Besar di bahagian selatan dan Pelabuhan Bangkok di bahagian utara.

Mirzan berkata terminal itu membolehkan kontena diperiksa di kemudahan yang akan dieksport menerusi Butterworth di Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang di Selangor, dengan kadar segera.

Beliau berkata Pelabuhan Pulau Pinang adalah yang paling hampir dengan ICD dan laluan eksport menerusi jalan raya daripada terminal itu ke Butterworth hanya akan mengambil masa kira-kira tiga jam.

Berasaskan kepada pemerhatian, majoriti peniaga-peniaga dari selatan Thailand menggunakan terminal itu bagi produk getah, tambah Mirzan.

Di samping itu, barang-barang dari Malaysia yang dieksport menerusi jalan raya dan pelabuhan akan disimpan di terminal itu untuk dipindahkan ke kemudahan pemeriksaan kastam di bahagian-bahagian lain di Thailand.

-- BERNAMA

LES ZK MA